

PENERAPAN ILMU LOGIK DALAM KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA: KEPENTINGANNYA TERHADAP MAHASISWA

THE APPLICATION OF LOGICAL KNOWLEDGE IN THE PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES COURSE: ITS IMPORTANT TO UNDERGRADUATE

Norafifah binti Ab Hamid¹
Mahfuzah binti Mohammed Zabidi²
Siti Nurul Izza binti Hashim³
Nor Azlina binti Abd Wahab⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka (E-mail: norafifah@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Johor,
(Co-responding Email: mahfuzah3051@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, (E-mail: izza0907@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka (E-mail: azlina406@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 31-8-2022
Revised date : 1-9-2022
Accepted date : 6-3-2023
Published date : 30-3-2023

To cite this document:

Ab Hamid, N., Mohammed Zabidi, M., Hashim, S. N., & Abd Wahab, N. A. (2023). Penerapan Ilmu Logik Dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa: Kepentingannya Terhadap Mahasiswa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 93 - 103.

Abstrak: *Generasi kini yang hidup dalam era media baharu dilihat cukup mencabar. Ledakan teknologi dan lambakan maklumat yang melanda memerlukan kepada usaha yang serius dalam menguasai ilmu logik bagi membentuk kemahiran berfikir secara kritis. Ilmu logik berperanan penting dalam memandu pemikiran manusia menyaring maklumat dan membuat sesuatu keputusan atau kesimpulan yang benar. Sehubungan itu, ilmu logik merupakan salah satu ilmu yang perlu difahami dengan sebaiknya dalam mendepani era ini. Makalah ini akan meneliti kepentingan memahami ilmu logik dalam konteks mahasiswa berdasarkan kursus Falsafah dan Isu Semasa yang merupakan kursus wajib mata pelajaran Universiti (MPU). Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi dan metode analisis data berdasarkan analisis kandungan (content analysis) terhadap silibus kursus Falsafah dan Isu Semasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa ilmu logik yang diterapkan dalam silibus kursus Falsafah dan Isu Semasa berperanan penting dalam membentuk kemahiran berfikir mahasiswa sekaligus dapat meningkatkan kemahiran bagi menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka.*

Kata Kunci: *Logik, Falsafah, Pemikiran dan Mahasiswa*

Abstract: *Due to the presence of abundant technological and informative advancements in today's world, the current generation should embrace logical knowledge in shaping their skills especially in becoming critical thinkers. With respect to this, logical knowledge is known as one of the branches of knowledge that functions in directing an individual's thoughts by carefully filtering the information received before making credible decisions or conclusions. Therefore, the present study seeks to discover the importance of understanding logical knowledge from the context of the Philosophy and Current Issues course, a university core course that is taught at all higher learning institutions in Malaysia. The data for this qualitative study was collected through documentation and content analysis methods involving the syllabus of the Philosophy and Current Issues course. The findings indicate that logical knowledge embedded in the syllabus of the course plays a vital role in shaping undergraduates' thinking skills, which subsequently enhances their problem-solving skills in their daily lives.*

Keywords: *Logical knowledge, Philosophy, Thinking, Undergraduate*

Pendahuluan

Logik atau ilmu mantik adalah sebuah ilmu yang membahaskan kaedah-kaedah untuk berfikir secara tepat dan sistematik. Logik digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang ilmu sebagai metodologi perbahasan ilmiah. Peranan ilmu logik terhadap pembinaan tamadun tidak dapat dinafikan. Sehubungan itu, ilmu logik perlu didalami bagi membangunkan cara berfikir mahasiswa generasi kini dalam mendepani pelbagai cabaran pemikiran semasa.

Istilah logik berasal daripada perkataan Greek iaitu *logos* yang membawa maksud sebab atau fikir (reason), asas rasional (rational ground), dasar (basic), pemikiran (thought) atau ucapan (speech) (The Encyclopedia of Religion, 71 1987). Berdasarkan Kamus Dewan (2010), ilmu logik didefinisikan sebagai sains yang berkaitan dengan prinsip bagi membolehkan pemikiran dan penaakulan dibuat secara teratur dan bersistem atau ilmu tentang kaedah berfikir. Seterusnya dalam konteks Bahasa Arab pula logik merujuk kepada mantik bererti pertuturan atau percakapan (Ibn Manzur, 2003). Manakala ungkapan mantik dalam Bahasa Melayu difahami sebagai ilmu yang membahaskan sesuatu menggunakan akal (Kamus Dewan, 2010). Logik daripada aspek terminologi merupakan cabang falsafah dalam bahagian aksiologi yang mengkaji prinsip-prinsip penaakulan yang betul.

Menurut al-Ghazali, logik bermaksud kaedah-kaedah yang boleh membezakan antara definisi dan *al-qiyas* yang benar daripada yang rosak. Ibn Khaldun pula mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah yang boleh menjelaskan pengetahuan seseorang tentang pemikiran yang benar atau salah berdasarkan definisi dan hujah terhadap (*al-tasdiqat*). Seterusnya al-Jurjani mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah dalam mengawal akal pemikiran manusia daripada melakukan kesilapan atau kesalahan ketika proses berfikir. Justeru kajian (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018) menyimpulkan bahawa ilmu logik atau mantik ialah ilmu yang membahaskan kaedah-kaedah untuk berfikir secara tepat. Oleh yang demikian, tidak dinafikan lagi bahawa ilmu logik berperanan penting sebagai bekalan dalam melahirkan graduan yang professional dan berfikiran matang sekaligus merealisasikan keluarga sejahtera Malaysia. Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti kepentingan memahami ilmu logik dalam konteks mahasiswa berdasarkan kursus Falsafah dan Isu Semasa yang merupakan kursus wajib mata pelajaran Universiti (MPU).

Sorotan Literatur

Lazimnya terdapat tiga cara utama dalam penulisan sorotan literatur iaitu pertama berdasarkan kronologi, kedua berdasarkan tema dan ketiga berdasarkan metodologi. Justeru dalam makalah ini pengkaji memilih cara yang kedua iaitu berdasarkan tema dengan merujuk kepada dua tema utama iaitu kajian tentang ilmu logik dan kedua kajian tentang Kursus Falsafah dan Isu Semasa.

Kajian tentang ilmu logik

Kajian (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018) menjelaskan bahawa ilmu logik atau mantik ialah ilmu yang membahaskan kaedah-kaedah untuk berfikir secara tepat. Hal ini dilihat tidak lari dari pandangan al-Ghazali yang mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah yang boleh membezakan antara definisi dan *al-qiyas* yang benar daripada yang rosak. Begitu juga dengan pandangan Ibn Khaldun yang mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah yang boleh menjelaskan pengetahuan seseorang tentang pemikiran yang benar atau salah berdasarkan definisi dan hujah terhadap (*al-tasdiqat*). Selain itu hal ini turut dilihat selari dengan pandangan al-Jurjani yang mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah dalam mengawal akal pemikiran manusia daripada melakukan kesilapan atau kesalahan ketika proses berfikir. Daripada itu tidak dapat dinafikan lagi ilmu logik berperanan penting dalam mendisiplinkan pemikiran para pengguna media sosial.

Bukan sekadar itu malahan Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat (2020) menjelaskan bahawa ilmu logik turut mempunyai kedudukan yang penting dalam pemikiran Islam. Hal ini kerana, ilmu logik merupakan salah satu sumber hujah dalam akidah yang boleh mendatangkan keyakinan keimanan. Tambahan pula, ilmu logik digunakan dalam mempertahankan akidah daripada serangan musuh-musuh Islam yang melancarkan peperangan menggunakan senjata pemikiran. Rentetan itu ilmu logik turut mendapat kedudukan dalam kalangan sarjana Islam (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001) antaranya al Ghazali yang berpendapat bahawa “logik adalah neraca ilmu, sesiapa yang tidak memahami logik maka tidak boleh diyakini ilmunya” (Abd Latif & Rosmawati, 1997). Manakala Ibn Rushd berpendapat mempelajari ilmu logik adalah wajib hukumnya dengan syarat dan tujuan ke arah kebaikan selagi ilmu tersebut tidak bercanggah dengan landasan syariat dan tidak merosakkan akidah seseorang. Pandangan beliau adalah berdasarkan dalil al-Quran yang menyeru manusia agar menggunakan akal (Abd Latif & Rosmawati, 1997).

Jika diteliti, penggunaan dan sumbangan ilmu logik terhadap keutuhan Islam bukan sahaja berlaku ketika zaman sejarah (Razali Musa, Mohd Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi 2020). Malah, ilmu ini turut digunakan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan umat Islam yang berlarutan sehinggalah ke generasi masa kini dengan kemunculan isu-isu akidah kontemporari. Oleh itu, ilmu logik wajar difahami dan diaplikasi oleh umat Islam pada masa kini bagi mendepani budaya tular yang turut melibatkan isu-isu akidah dan pemikiran Islam. Ini kerana ilmu logik mampu menjadi alat untuk mendapat, menguji sesuatu disiplin ilmu, menerangkan antara kebenaran dengan kepalsuan, haq dan batil serta dapat membantu menajamkan akal fikiran dan membolehkan manusia berfikir dengan lebih sistematik dan kreatif (Khalid Ismail & Muhammad Hazim Mohd Azhar, 2021).

Tambahan dalam menelusuri cabaran ideologi masa kini yang menuntut kepada lahirnya generasi berfikiran kritis dan kreatif. Tanpa akal dan sistem fikir yang tepat, manusia tidak mampu menapis saring dan membezakan antara yang benar dan salah, serta baik dan buruk. Oleh demikian, ilmu logik yang mementingkan proses pencarian maklumat, pengetahuan, data dan fakta bagi mengukuhkan kebenaran sesuatu perkara (Aminuddin Hassan, Fadzilah Abd

Rahman & Sim Kuan Yew, 2015) dilihat penting dalam menghadapi cabaran budaya tular di media sosial.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai ilmu logik amat penting untuk terus dikaji dan didalami agar masyarakat kini dapat membentuk sistem pemikiran yang tepat. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian ini adalah terhadap penerapan ilmu logik dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa.

Kajian tentang Kursus Falsafah dan Isu Semasa di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Menyedari kepentingan mempelajari ilmu falsafah dalam membentuk pemikiran dan mengukuhkan jatidiri mahasiswa, maka kursus Falsafah dan Isu semasa telah diperkenalkan dan diwajibkan ke atas para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Swasta (IPTS) bermula pada sesi pengambilan 2019/2020. Pelaksanaan kursus ini diputuskan sebagai kursus Wajib Universiti berdasarkan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.14/2019 pada 12 Jun 2019 (Pengemaskinian Struktur Kursus MPU, 2019) & (Syamsul Azizul Marinsah et al., 2021). Kursus ini merupakan sebahagian daripada usaha bagi merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bertujuan untuk melahirkan generasi yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) (Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim, 2019). Selain itu Kursus Falsafah dan Isu Semasa dilihat mempunyai keistimewaan tersendiri berdasarkan isi dan struktur kandungan kursus yang sangat bermanfaat kepada seluruh mahasiswa dalam membentuk potensi diri secara menyeluruh dan bersepadu meliputi aspek ilmu pengetahuan serta kemahiran insaniah (Syamsul Azizul Marinsah et al., 2021). Pada masa yang sama pengenalan kursus ini dilihat selaras dengan aspirasi negara yang peka terhadap transformasi kurikulum semasa (Syamsul Azizul Marinsah et al, 2022).

Secara umumnya kursus Falsafah dan Isu Semasa mengandungi lapan topik utama yang dibincangkan dalam kuliah sepanjang tempoh empat belas minggu seperti berikut (Course Information Academy of Contemporary Islamic Studies, 2021):

- Topik 1: Pengenalan Ilmu Falsafah
- Topik 2: Falsafah dalam Kehidupan
- Topik 3: Seni dan Kaedah Berfikir
- Topik 4: Konsep Insan (Psikologi & Sosiologi)
- Topik 5: Konsep Insan (Metafizik)
- Topik 6: Epistemologi
- Topik 7: Epistemologi dan Isu Semasa (ideologi)
- Topik 8: Etika sebagai Isu Kefalsafahan (Dekolonisasi)

Setelah mengikuti perbincangan kursus ini mahasiswa seharusnya mencapai tiga hasil pembelajaran (*learning outcomes*) iaitu pertama mereka dapat menjelaskan isu semasa berasaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Negara dan Rukun Negara. Kedua mereka dapat menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah. Kemudian yang ketiga mereka dapat menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya. Pada masa yang sama kursus Falsafah dan Isu semasa turut menekankan aspek kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, etika dan moral professional serta pembelajaran berterusan (Course Information Academy of Contemporary Islamic Studies, 2021). Justeru, kursus ini begitu

signifikan dalam konteks mahasiswa kini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran pemikiran yang mengelirukan dan boleh menggugat pegangan jati diri seseorang.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kualitatif iaitu kajian yang cenderung kepada penganalisaan dokumen. Ia merupakan sebuah penyelidikan yang menghasilkan dapatan kajian tanpa melalui prosedur statistik atau bentuk pengiraan. Kajian yang bersifat kualitatif dilihat amat bertepatan dengan kajian ini yang memberi tumpuan terhadap dokumen silibus Kursus Falsafah dan Isu Semasa. Metode pengumpulan data dan analisis data digunakan bagi memastikan data yang diterima adalah tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian. Dalam usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat bagi mencapai objektif kajian ini, penulis telah memilih metode dokumentasi kerana antara sumber utama kajian adalah diperolehi melalui dokumen. Dalam usaha untuk menganalisis data pula, penulis menggunakan rekabentuk analisis kandungan yang merupakan metode paling popular dalam penyelidikan bidang pengajian Islam (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2018). Analisis kandungan merupakan salah satu bentuk analisis yang bersesuaian untuk menganalisis dokumen kerana ia merupakan satu prosedur yang bersifat sistematik untuk menjelaskan sesuatu kandungan dokumen (Othman Lebar, 2021). Selain itu analisis kandungan ini sebenarnya merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat yang wujud secara tersurat. bagi memastikan analisis yang dilakukan lebih bersifat kritikal menepati ciri sebuah kajian ilmiah, penulis turut menggunakan pendekatan deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif adalah satu cara untuk menganalisis data-data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2018). Sementara metode induktif bermaksud satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum (Idris Awang, 2001). Selain itu ia juga merupakan suatu proses yang logik bagi memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.

Analisis penerapan Ilmu Logik dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa

Penerapan ilmu logik dalam silibus kursus Falsafah dan Isu Semasa dapat dilihat secara jelas khususnya pada topik ketiga yang bertajuk Seni dan Kaedah Berfikir. Sebagaimana yang difahami ilmu logik merupakan suatu seni dan kerangka berfikir bagi membolehkan manusia berfikir dengan betul dan secara sistematik. Hasil penelitian menunjukkan bahawa objektif topik Seni dan Kaedah berfikir ini adalah untuk menjelaskan peranan, kedudukan dan hubungan ilmu logik dengan ilmu falsafah serta menjelaskan pelbagai kesalahan dalam berfikir. Justeru itu, perbincangan pertama pelajar akan didedahkan dengan definisi-definisi ilmu logik agar mereka dapat memahami istilah dan pengertian ilmu logik dengan baik.

Di samping itu, pelajar turut didedahkan dengan perbincangan tentang kedudukan ilmu logik dalam hierarki ilmu. Hal ini penting agar mereka dapat memahami kedudukan dan peranan ilmu logik sebagai neraca ilmu yang menjadi alat untuk memahami segala ilmu pengetahuan. Bukan sekadar itu, malahan ilmu logik turut mendapat kedudukan dalam kalangan sarjana Islam (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001) antaranya al Ghazali yang berpendapat bahawa “mantik adalah neraca ilmu, sesiapa yang tidak memahami mantik maka tidak boleh diyakini ilmunya” (Abd Latif & Rosmawati, 1997). Manakala Ibn Rushd berpendapat mempelajari ilmu logik adalah wajib hukumnya dengan syarat dan tujuan ke arah kebaikan selagi ilmu tersebut tidak bercanggah dengan landasan syariat dan tidak merosakkan akidah seseorang. Pandangan beliau adalah berdasarkan dalil al-Quran yang menyeru manusia agar menggunakan akal (Abd Latif & Rosmawati, 1997). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka insafilah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya” (Surah al-Hasyr, 59:2)

Seterusnya pelajar didedahkan dengan kaedah logik dan penghujahan. Logik dan penghujahan sangat penting dalam komunikasi lisan dan tulisan. Berhujah adalah menggunakan bahasa dan bahasa yang digunakan mestilah bersistem agar mudah di tafsir dan sekali gus memberi kefahaman kepada pendengar. Hal ini penting agar situasi ‘tanya lain, jawab lain’ dapat dielakkan (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001). Kebolehan kemahiran berhujah merupakan kemahiran berfikir dan kemahiran intelektual yang penting dalam pendidikan sains sosial. Kecekapan berhujah boleh dinilai dengan melihat bagaimana fakta, bukti dan maklumat yang relevan digunakan dalam membuat sesuatu hujah. Berhujah amat penting bagi menolak dan menyangkal tuduhan, alasan, andaian dan pendapat orang lain. Berhujah memerlukan kebolehan mengkritik, kebolehan mengemukakan cadangan lain terhadap kes, kelemahan fakta oleh orang lain dan perbahasan hipotesis yang dibuat oleh orang lain tentang sesuatu perkara (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001).

Justeru dapat difahami bahawa hujah merupakan beberapa pernyataan tentang sesuatu isu atau perkara yang mempunyai data untuk dibuktikan bagi menghasilkan kesimpulan sama ada benar atau salah. Hal ini dilihat sangat penting kepada mahasiswa agar mereka berjaya menjadi graduan yang berkualiti cara berfikirnya.

Tambahan lagi kaedah penghujahan ini diperlukan sebagai salah satu kemahiran dalam penyelesaian masalah. Lantaran itu, para pelajar diberi kefahaman tentang tujuan berhujah. Menurut Mohd Azhar (2001) tujuan berhujah adalah untuk :

- a. Membuat keputusan
- b. Menerangkan kedudukan sesuatu perkara
- c. Meramalkan sesuatu sebab menerusi daya taakulan
- d. Mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang
- e. Mengukuhkan perspektif atau interpretasi
- f. Membetulkan salah tanggapan
- g. Memperteguh sokongan terhadap sesuatu atau seseorang

Lazimnya dalam membincangkan kaedah logik dan penghujahan perkara utama yang dibahaskan adalah tentang deduktif, induktif dan falasi. Sehubungan itu, para pelajar yang mengikuti kursus Falsafah dan Isu Semasa turut didedahkan dengan perkara ini agar mereka dapat mempraktikkan dalam realiti kehidupan harian yang dilalui. Pada bahagian ini terlebih dahulu pelajar didedahkan dengan definisi. Kemudian setelah kefahaman dibina mereka diberi latihan untuk mempraktikkan kaedah tersebut. Kaedah deduktif dan induktif yang bersifat praktikal ini dilihat relevan dengan realiti kehidupan harian pelajar.

Hujah atau logik deduktif merupakan beberapa set andaian umum bagi menghasilkan satu pernyataan khusus yang sering digunakan dalam kehidupan harian. Hujah-hujah yang dikemukakan mestilah mengandungi asas prinsip, fakta dan bukti yang kukuh. Manakala hujah atau logik induktif pula merupakan satu pernyataan khusus yang dibentuk hasil daripada beberapa set andaian umum. Hujah ini dibentuk daripada kes-kes khusus kepada prinsip-prinsip umum dan daripada fakta-fakta kepada teori-teori. Lazimnya kaedah induktif ini digunakan dalam penyelidikan seperti di makmal (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001).

Lantaran itu pelajar diberi gambaran contoh-contoh hujah deduktif dan induktif di samping mereka diberi latihan untuk sama-sama membina premis dan hujah tersebut. Misalnya:

Contoh hujah deduktif	Contoh hujah induktif
<ul style="list-style-type: none"> • Semua Muslim wajib solat • Yusuf seorang Muslim • Yusuf wajib solat 	<ul style="list-style-type: none"> • Mamat seorang penagih dadah • Mamat sering mencuri • Penagih dadah sering mencuri

Selain diterapkan tentang hujah deduktif dan hujah induktif para pelajar juga turut didedahkan dengan falasi. Falasi ialah suatu hujah yang lemah dan tidak boleh diterima. Ini bermaksud bahawa premis-premis yang digunakan untuk menyokong kesimpulan adalah tidak benar. Apabila hal ini berlaku jelas menunjukkan kesilapan cara berfikir. Berfikir secara logik mestilah berasaskan logik yang sah. Jika hal ini tidak dipatuhi dengan sendirinya hujah menjadi lemah (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001). Falasi boleh berlaku akibat daripada sangkaan yang palsu terhadap persekitaran. Contohnya pasukan bola sepak Malaysia dapat mengalahkan Manchester United dalam perlawanan persahabatan. Oleh sebab sikap fanatik terhadap pasukan Malaysia maka mutu permainan pasukan Malaysia dianggap sama dengan mutu pencapaian tahap pasukan bola sepak dunia. Sedangkan pada hakikatnya tanggapan tersebut tidak tepat kerana mutu pencapaian pemain bola sepak Malaysia tidak pada tahap tersebut (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001).

Sekiranya falasi ini dilihat dengan lebih spesifik hakikatnya terdapat 41 jenis falasi yang boleh berlaku dalam penghujahan (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001). Namun dalam perbincangan bersama pelajar mereka hanya didedahkan dengan dua jenis falasi yang utama sahaja iaitu falasi formal dan falasi tidak formal. Falasi formal hanya berlaku dalam hujah deduktif. Falasi formal ialah hujah yang lemah dari segi struktur hujah. Ini bermaksud premis-premis hujah tidak menyokong kesimpulannya. Hujah-hujah yang salah strukturnya dianggap tidak sah. Sesuatu hujah sah jika kesimpulannya selaras dengan premisnya (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001).

Falasi tidak formal pula bermaksud kelemahan yang terdapat dalam sesuatu hujah tetapi kelemahan ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kaedah atau struktur hujah tersebut. Kebiasaannya faktor-faktor yang menyebabkan berlaku falasi ini adalah disebabkan oleh data yang tidak mencukupi, wujudnya sikap bias atau prejudis, andaian dan kepercayaan yang menyeleweng serta dipengaruhi emosi (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001). Setelah mengenal pasti bentuk-bentuk falasi dalam penghujahan, pelajar seharusnya bersikap lebih berhati-hati dalam berfikir dan bertindak. Hal ini dilihat sangat penting dan membantu para pelajar dalam menilai baik buruk sesuatu perkara khususnya dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Kepentingan Ilmu Logik Terhadap Mahasiswa

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa ilmu logik memainkan peranan penting dalam memandu fikiran seseorang khususnya dalam konteks kini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran pemikiran semasa. Sehubungan itu, penerapan ilmu logik dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa dilihat begitu signifikan kepada golongan mahasiswa. Berikut merupakan kepentingan ilmu logik terhadap golongan mahasiswa;

Ilmu logik memandu mahasiswa agar berfikir secara sistematik

Ilmu logik berperanan penting sebagai panduan kepada mahasiswa untuk berfikir secara sistematik. Melalui ilmu mantik, pelajar dapat mengasah potensi akal untuk berfikir secara tepat bukan sahaja dalam persoalan agama bahkan juga mencakupi masalah kehidupan manusia yang bersifat duniawi (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020). Oleh yang demikian, terdapat empat elemen asas dalam memandu akal manusia agar berfikir secara sistematik berdasarkan ilmu logik. Pertama mengenal pasti dan memahami premis masalah, kedua mencari sebab atau punca, ketiga menilai cara-cara penyelesaian dan keempat membuat keputusan atau kesimpulan (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018). Misalnya dalam konteks mahasiswa yang terpaksa berhadapan dengan tekanan khususnya pembelajaran di era pandemik covid 19 yang cukup mencabar. Mahasiswa perlu mengenal pasti permasalahan yang dialami dengan baik seterusnya meneliti punca dan memilih jalan penyelesaian yang terbaik untuk mengatasinya.

Ilmu logik sebagai asas kepada mahasiswa untuk memahami ilmu-ilmu lain

Ilmu logik digunakan secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu. Menurut al-Ghazali ilmu mantik ialah sebuah metodologi, alat, neraca, atau pengantar bagi setiap ilmu. Antaranya dalam bidang usul fiqh dan ilmu kalam. Misalnya Al-Ghazali telah menjadikan ilmu logik sebagai mukadimah kepada ilmu usul fiqh melalui karya beliau *al-Mustasfa min al-Usul* (Mohd Fauzi Hamat, 2005). Selain itu, ilmu logik turut digunakan secara meluas dalam perbincangan ilmu akidah atau wacana ilmu kalam. Ilmu logik dalam bidang matematik pula digunakan secara meluas bagi menentukan nombor atau jumlah yang lebih besar atau kecil. Begitu juga dalam bidang bahasa, ilmu logik digunakan secara meluas contohnya logik simbolik yang memberi tumpuan kepada penggunaan simbol dalam logik untuk membuktikan sama ada hujahan itu sah atau tidak sah (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018). Ini membuktikan bahawa ilmu logik tidak terhad hanya kepada bidang Pengajian Islam tetapi menjadi asas penting dalam penguasaan Bahasa dan matematik. Lantaran itu, ilmu logik dilihat begitu signifikan kepada golongan mahasiswa khususnya dalam membantu mereka ke arah penguasaan matematik dan Bahasa.

Ilmu logik sebagai asas kepada mahasiswa dalam bidang penyelidikan ilmiah

Penyelidikan ilmiah merupakan perkara penting yang perlu ditempuhi oleh golongan mahasiswa. Justeru, penguasaan ilmu logik menjadi asas penting dalam membantu mereka menguasai bidang penyelidikan dengan baik. Jika diteliti, ilmu logik diperlukan oleh setiap penuntut ilmu dan penyelidik tanpa mengira bidang pengajian, sama ada sains teknologi mahupun sains sosial. Proses membuat kesimpulan dari sesuatu premis yang timbul dari apa-apa persoalan dalam setiap bidang ilmu bersandar kepada kaedah deduktif dan induktif. Bidang pengajian seperti sains moden yang bermula dari pemerhatian, pengalaman dan eksperimen terhadap sesuatu perkara yang bersifat khusus sehingga menghasilkan kesimpulan umum menggunakan kaedah induktif yang berakar dari metod *istiqra'* (Khalid & Muhammad Hazim 2021). Kaedah induktif dalam kajian kualitatif diaplikasikan untuk menganalisis data melalui pola berfikir bagi mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus kepada bersifat umum.

Kaedah deduktif pula diaplikasikan untuk membuat kesimpulan daripada maklumat umum kepada khusus. Kaedah deduktif yang bertitik tolak dari *metod al-qiyas* pula digunakan dalam proses menganalisis data yang diperolehi dalam penyelidikan. *Metod al-Qiyas* menumpukan usaha pencarian kebenaran melalui pendalilan tidak langsung untuk menghasilkan sesuatu kesimpulan (Khalid & Muhammad Hazim 2021). Seterusnya, kaedah komparatif turut

diperlukan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan dan analisis terhadap data-data yang diperoleh semasa melakukan kajian serta penelitian. Proses penyelidikan yang dilakukan tanpa mengikut proses pemikiran logik sama ada induktif atau deduktif yang sistematik ini hanya akan menghasilkan kesimpulan yang terdedah kepada kesilapan dan kebatilan (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi 2020).

Ilmu logik sebagai panduan kepada mahasiswa dalam membezakan kebenaran dan kesalahan sesuatu perkara

Meskipun manusia dikurniakan dengan bekalan potensi akal dan indera untuk mencapai ilmu dan kebenaran, namun tanpa sistem fikir yang benar, manusia tidak akan dapat memperoleh ilmu dan sentiasa terpengaruh dengan pemikiran dan kepercayaan yang salah (Khalid & Muhammad Hazim 2021). Mahasiswa berkeupayaan untuk membezakan kebenaran dan kesalahan dengan menggunakan kaedah-kaedah ilmu logik yang diterapkan iaitu dengan menjelaskan kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam berfikir. Kesalahan dalam berfikir sehingga membentuk kepercayaan yang salah terlihat kepada tiga golongan *sufastaiyyun* yang sama ada, (i) meragui hakikat sesuatu dan menganggap hakikat sesuatu itu hanyalah imaginasi atau khayalan, (ii) mempertimbangkan sesuatu mengikut pandangan peribadi sehingga segala sesuatu tidak memiliki kebenaran yang mutlak atau (iii) meragui keupayaan manusia untuk mencapai hakikat ilmu (Basri Husin 2018).

Dalam konteks masa kini, ilmu logik sangat penting dalam mendepani pemikiran yang terpesong dari kerangka Islam seperti sekularisme, liberalisme dan ateisme. Misalnya dalam isu penggunaan kalimah Allah SWT, kaedah *ta'rif* (definisi) yang terkandung dalam ilmu logik atau mantik boleh digunakan untuk berhujah dengan golongan liberal. Tambahan pula, kaedah ini dapat membantu bagi menjelaskan proses *tasawur* sesuatu kalimah (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018). *Tasawur* istilah pinjaman dari Bahasa Arab yang bermaksud pengetahuan tentang gambaran konseptual terhadap hakikat sesuatu yang dinyatakan menerusi lafaz-lafaz tunggal (subjek) tanpa diberi sebarang penetapan hukum ke atasnya (Mohd Fauzi, 2002). Perkara ini dilihat sangat penting kepada mahasiswa dalam mendepani cabaran ideologi yang sedang giat menyusup masuk ke dalam masyarakat kini. Sehubungan itu, berbekalkan ilmu logik yang diterapkan, seharusnya para mahasiswa dapat membezakan kebenaran dan kesalahan sesuatu pegangan atau prinsip yang diketengahkan.

Ilmu logik melatih mahasiwa untuk berfikir secara kritis

Kemahiran berfikir secara kritis merupakan aspek penting yang perlu dikuasai oleh golongan mahasiswa. Menurut Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi (2018) kaedah ilmu logik dalam penyelesaian masalah merupakan asas dalam wacana pemikiran kritis. Pemikiran kritis merupakan kemahiran yang melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitikal serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Mahasiswa yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis dapat membantu diri mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan baik. Kemahiran ini memerlukan kepada kaedah-kaedah ilmu logik seperti proses mentafsir, menganalisis, menilai, membuat kesimpulan, berhujah dan memeriksa sesuatu kenyataan secara tepat.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa ilmu logik sangat signifikan dan berperanan penting dalam memandu manusia membina cara berfikir yang tepat dan sistematik agar potensi akal dan segala saluran ilmu dapat dimanfaatkan sebaiknya bagi mencapai ilmu yang benar. Pendedahan ilmu logik dan penghujahan yang melibatkan kaedah logik deduktif,

induktif serta falasi secara tidak langsung dapat mendisiplinkan golongan mahasiswa dengan cara berfikir yang tepat sekali gus menyelamatkan mereka daripada pelbagai bentuk penyelewengan pemikiran yang sedang berlaku pada masa kini. Justeru, ilmu logik yang diterapkan dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) kini dilihat sangat relevan dan sewajarnya dikekalkan demi melahirkan para graduan yang berkualiti sebagai aset berharga kepada pembangunan negara.

Rujukan

- Abd Latif Muda & Rosmawati Ali, 1997. Pengantar Ilmu Mantik. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam* (Bangi: Penerbit UKM Press, 2014), 68-69.
- Azizah Zakaria, t.t. Metodologi Falsafah Logik Yunani, Islam dan Barat. Shah Alam: ACIS.
- Basri Husin. (2018). Perbahasan epistemologi dalam wacana kalam al-Asha'irah: Analisis terhadap Pemikiran al-Baqillani (m. 403H) dan al-Baghdadi (m.429H). Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur.
- Course Information Academy of Contemporary Islamic Studies. (2021). Course Information CTU552 Philosophy And Current Issues. Shah Alam:UiTM.
- Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim. (2019). Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020. Gombak: IIUM Press.
- Ibn Khaldun, 2004. Muqaddimah. Kaherah: Dar al-Fajr.
- Ibn Manzur, 2003. Lisan al-Arab. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,2001)82.
- Kamus Dewan, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Ismail & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2021. Falsafah Logik Aristotle: Implikasi, reaksi dan interaksi terhadapnya dalam dunia keintelektualan Islam. MANU. 32 (1), 93-124.
- Mat Rofa Ismail, 2014. Mantik dan Etnomantik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azhar Abd Hamid, 2001. Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat, 2002. Ketokohan Al-Ghazali Dalam Bidang Mantik: Suatu analisis terhadap Muqaddimah al-Kitab dalam Kitab al-Mustasfa min Ilm al-Usul. Tesis Ijazah Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi Hamat. (2005). Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2018. Peranan Ilmu Mantik Terhadap Pembinaan Cara Berfikir Ummah Masa Kini. Prosiding Ilmuwan Ususluddin Di Malaysia: Memperkasa Pembangunan Negara dan Perpaduan Ummah. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. (2020). Kedudukan ilmu Mantik dalam pemikiran Islam. Jurnal Afkar, 22(2), 1-42.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua* (Perak: Penerbit UPSI, 2021), 116.
- Syamsul Azizul Marinsah et al. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah Dan Isu Semasa (Fis) Dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus Fis Di Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (Ppib), Universiti Malaysia Sabah. International Journal Of Education, Psychology And Counselling, Volume 6 Issue 39 (May 2021), PP. 137-149.

Syamsul Azizul Marinsah et al. (2022). Signifikan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa (Fis) Dalam Pembentukan Akhlak Dan Moral Di Universiti Malaysia Sabah . International Journal of Education, Psychology And Counselling Volume 7 Issue 45, PP. 127-136.
The Encyclopedia of Religion, 1987. New York: Macmillan Publishing Company.